



# MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.

(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)

(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro di Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa bakal penyedia perkhidmatan IT ("Pembida") untuk mengambil bahagian di dalam RFP seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	PENDAFTARAN RFP	TARIKH SERAHAN
<p><b>REQUEST FOR PROPOSAL ("RFP") FOR LEASING, SUPPLY, DELIVERY, PRE-INSTALLATION, AND SUPPORT SERVICES FOR 424 UNITS OF STANDARD NOTEBOOKS (BUSINESS MODEL) AND 18 UNITS OF HIGH-END NOTEBOOKS (MOBILE WORKSTATIONS) ("SERVICES")</b></p> <p><b>RFP NO.: GEN-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000010</b></p>	<p>Kesemua Pembida hendaklah memiliki dokumen yang sah seperti berikut:</p> <p>i. Pendaftaran Syarikat (ROC) yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);</p> <p>ii. Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) merangkumi kesemua kod bidang dibawah:</p> <p><b>Kod Bidang: 210101</b> – ICT (<i>Information Communication Technology</i>) (Bekalan dan Perkhidmatan bagi Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi) – Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen – <i>Hardware (Low End Technology)</i>;</p> <p><b>Kod Bidang: 210103</b> – ICT (<i>Information Communication Technology</i>) (Bekalan dan Perkhidmatan bagi Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi) – Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen – <i>Software – Supply all Computers Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance</i>;</p> <p>iii. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status:Patuh) dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.</p>	<p>Bagi menyertai RFP ini, Pembida yang berminat dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu daripada pautan di bawah:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Laman Web MRT Corp. <a href="http://www.mymrt.com.my">www.mymrt.com.my</a>; atau</li> <li>2. <a href="https://forms.gle/yjSsgR5RcHGHOEx6">https://forms.gle/yjSsgR5RcHGHOEx6</a>; atau</li> <li>3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.</li> </ol> <div data-bbox="1165 839 1390 1065" style="text-align: center;"> </div> <p>Pendaftaran akan bermula pada hari <b>Isnin, 20 April 2026</b> sehingga hari <b>Jumaat, 24 April 2026</b>. Hanya Pembida yang telah membuat pendaftaran dan memenuhi kesemua syarat pendaftaran yang ditetapkan sahaja akan menerima Dokumen RFP tanpa sebarang caj bayaran melalui alamat e-mel yang telah didaftarkan.</p> <p>Dokument RFP akan dikeluarkan pada hari <b>Isnin, 27 April 2026</b>.</p>	<p>Dokumen RFP yang telah lengkap hendaklah diserahkan pada hari <b>Selasa, 5 Mei 2026 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari</b>. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya Pembida didapati lewat menyerahkan dokumen RFP tersebut selepas tarikh dan masa yang ditetapkan.</p>

Selain daripada syarat-syarat di atas, Pembida **WAJIB** memenuhi kesemua **Kriteria Mandatori** di bawah:

### MANDATORI KRITERIA TEKNIKAL

- Pembida hendaklah mencadangkan satu jenama sahaja daripada senarai (**HP, Dell, atau Lenovo**) bagi semua peralatan. Pembida hendaklah mengemukakan hanya satu (1) model bagi *Standard Notebooks (Business Model)* dan satu (1) model yang berasingan bagi *High-End Notebooks (Mobile Workstation)*.
- Semua komponen perkakasan hendaklah dilindungi oleh jaminan pengilang sepanjang tempoh pajakan selama empat (4) tahun.
- Pengilang hendaklah menyediakan *Accidental Damage Protection (ADP)* sepanjang tempoh pajakan selama empat (4) tahun.
- Pembida hendaklah menyediakan perlindungan insurans sepanjang tempoh pajakan selama empat (4) tahun merangkumi sebarang insiden yang tidak termasuk di bawah jaminan pengilang atau perlindungan ADP.
- Jenama yang dikemukakan mestilah daripada pengeluar komputer peribadi global yang bereputasi tinggi dari segi kebolehppercayaan, sokongan teknikal dan penyelenggaraan.
- Komputer riba yang dikemukakan hendaklah mematuhi spesifikasi minimum seperti yang dinyatakan dalam Dokumen RFP.
- Pembida hendaklah menyediakan sokongan *Next Business Day (NBD)* dengan liputan perkhidmatan minimum lapan (8) jam sehari, lima (5) hari seminggu (**8x5**).
- Surat kebenaran (*Authorisation Letter*) daripada pengilang kepada Pembida untuk membekal, memajak, dan/atau menyelenggara peralatan yang dikemukakan.
- Pembida hendaklah mempunyai rekod prestasi dalam projek berkaitan Teknologi Maklumat dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu.

### MANDATORY KRITERIA KEWANGAN

- Dana Pemegang Saham** (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada Satu Ratus Ribu (**RM100,000.00**).
- EBITDA** terkumpul sepanjang tempoh lima (5) tahun sebelumnya mestilah **positif**.

#### Nota:

- MRT Corp. berhak untuk menolak serahan dokumen RFP daripada mana-mana Pembida tanpa menyatakan sebarang sebab atau memaklumkan kepada Pembida mengenai alasan penolakan atau menanggung sebarang liabiliti kepada Pembida terhadap penolakan serahan dokumen RFP tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di e-mel kepada [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my). Pembida boleh melayari laman web [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp.